



## "AMAR MAKRUF DAN NAHI MUNGKAR"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَلَتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى  
الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ  
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ  
وَأَيَّيَ بَتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ  
تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah SWT ialah orang yang paling bertaqwa. Mudah-mudahan kita akan beroleh ketenangan, keberkatan, kedamaian dan kejayaan sama ada di dunia mahupun di akhirat.

## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Perkara makruf meliputi kepercayaan, percakapan, tindakan, perlakuan dan pemikiran yang memenuhi tuntutan syarak. Apabila kebaikan banyak dilaksanakan maka akan wujudlah kedamaian, ketenteraman, keadilan, kesejahteraan dan keceriaan. Manakala perkara mungkar meliputi semua perkara buruk, keji dan jahat, zahir mahu pun batin, yang apabila dilakukan akan membawa kepada kerosakan, kehancuran dan kemusnahan iman, aqidah, syariat kepada kehidupan manusia di dunia. Pada asasnya setiap insan Muslim wajib mematuhi semua tuntutan syarak dan meninggalkan segala tegahannya untuk hidup dengan selamat di dunia dan di akhirat.

Firman Allah SWT dalam surah At-Taubah ayat 71;

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ  
يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ  
وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ



اللَّهُ وَرَسُولَهُ وَأُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ

حَكِيمٌ

"Dan orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain. Mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang dari berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha bijaksana".

Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud;

"Demi diriku di bawah kekuasaan Allah, hendaklah kamu menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran atau ditakuti bahawa Allah akan menurunkan 'azab dan bala'. Kemudian kamu berdoa kepada Allah dan Allah tidak akan menerima (permohonan) kamu lagi".

(Riwayat at-Tirmizi)

Berdasarkan maksud hadis tersebut amatlah nyata betapa pentingnya seruan amar ma'ruf dan nahi mungkar dilakukan oleh setiap individu Muslim. Tingkat atau tahap individu Muslim yang bertanggungjawab melaksanakan tugas ini adalah sebenarnya terdiri daripada semua peringkat termasuk para pemimpin dan rakyat biasa, bukan hanya kepada golongan para ulama' dan ustaz-ustaz semata-mata.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Sesungguhnya tugas ini amat mulia kerana ia adalah tugas asas yang kerananya Allah SWT telah mengutuskan para rasul. Kesemua rasul



telah menjalankan tugas mereka dengan tabah, sabar dan berterusan disepanjang kehidupan walaupun menghadapi pelbagai halangan dan tentangan daripada kaum mereka sendiri.

Inilah sunnah dan realiti yang telah dan bakal dihadapi oleh para penyampai risalah Allah SWT ketika menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Setelah kewafatan Rasulullah s.a.w., maka tugas ini mestilah diteruskan oleh umat Islam seluruhnya. Sekalipun tugas ini berat, namun ia wajib dilaksanakan. Setiap insan Muslim, tidak boleh lagi berdalih atau memberi pelbagai alasan jika tidak mahu melaksanakan tanggungjawab tersebut.

Dengan segala upaya dan kemampuan yang ada, kita hendaklah sentiasa mengajak manusia melakukan pelbagai jenis kebaikan. Pada masa yang sama mereka juga diingatkan supaya menjauhi pelbagai kemungkaran yang bercanggah dengan syarak sekalipun ianya disukai oleh nafsu. Tambahan pula pada hari media sering menyalurkan pelbagai unsur kemungkaran. Seruan ini hendaklah dilakukan secara berterusan, istiqamah, ikhlas dan bijaksana. Sekiranya tugas ini tidak dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh maka Allah SWT akan melakukan tindak balas seperti yang dinyatakan dalam ayat al-Quran dan hadis yang dibacakan tadi.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Allah memperingatkan kepada mereka yang tidak melaksanakan tugas amar makruf dan nahi mungkar dengan melaknat dan menurunkan azab serta tidak memakbulkan doa mereka sepertimana firman-Nya dalam surah Al-Maidah, ayat 78-79;



لُعِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى لِسَانِ  
دَاوُدَ وَعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا  
يَعْتَدُونَ ﴿٧٨﴾ كَانُوا لَا يَتَنَاهَوْنَ عَنْ مُنْكَرٍ  
فَعَلُوهُ لَبِئْسَ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ ﴿٧٩﴾

*"Orang-orang kafir Yahudi dari Bani Israil telah dilaknat (di dalam kitab-kitab Zabur dan Injil) melalui lidah nabi Daud dan nabi Isa ibni Maryam. Yang demikian itu disebabkan mereka menderhaka dan selalu menceroboh. Mereka sentiasa tidak berlarang-larangan (sesama sendiri) dari perbuatan munkar ( derhaka dan ceroboh), yang mereka lakukan. Demi sesungguhnya amatlah buruk-nya apa yang mereka telah lakukan".*

Allah SWT boleh menurunkan bala tersebut secara satu persatu atau serentak seperti banjir, gempa bumi, tsunami, kebuluran dan sebagainya. Kehidupan yang tenang, akan menjadi huru-hara dan sengsara walaupun kita mempunyai kemudahan dan harta benda. Keadaan ini amat menakutkan kerana yang akan menghadapi kesusahan bukan sahaja kita sendiri malahan diikuti pula oleh kaum keluarga, masyarakat dan Negara. Sedangkan setiap masa kita memohon kepada Allah SWT supaya dijauhkan daripada laknat, 'azab, bala bencana. Mudah-mudahan Allah memakbulkan doa kita.



Hakikatnya kita memang sentiasa mengharapkan pertolongan serta bantuan dari Allah SWT dalam pelbagai keperluan supaya dikurniakan dengan kehidupan yang damai, tenteram, selesa, penuh keberkatan serta keredhaan-Nya akan dapat kita nikmati.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Arahan Allah SWT kepada Umat Islam supaya melaksanakan tugas ini amat jelas. Malahan ianya menjadi pra syarat untuk memastikan umat Islam mendapat taraf umat terbaik. Hal ini dinyatakan oleh Allah SWT, melalui firman-Nya dalam surah Ali 'Imran ayat 110;

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ  
وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ  
ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِنْهُمْ  
الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ

*"Kamu ( wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya) tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan mereka; adalah orang-orang yang fasik".*



Ayat tersebut dengan jelas menyatakan untuk menjadi umat terbaik, kita wajib menyeru kepada kebaikan, mencegah daripada kemungkaran dan seterusnya beriman kepada Allah SWT. Sesungguhnya Allah SWT tidak akan bertanya kepada kita tentang kejayaan yang dicapai ketika menjalankan tugas tersebut. Tetapi yang akan ditanya oleh Allah SWT ialah sudahkah kita bertindak menunaikan tanggungjawab tersebut dengan cara yang dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w.?

Hakikat ini berdasarkan sebuah hadits yang masyhur dari Abu Said Al-Khudri bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ  
يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ  
أَضْعَفُ الْإِيمَانِ.

*"Sesiapa yang melihat kemungkaran maka hendaklah dia mencegahnya dengan tangannya, jika dia tidak mampu hendaklah dia mencegahnya dengan lidah, jika dia tidak mampu hendaklah mencegahnya dengan hatinya. Namun yang demikian ini adalah selemah-lemahnya".*

*(Riwayat Muslim)*

Bersandarkan kepada hadis tersebut, maka tugas amar makruf dan nahi mungkar sebenarnya adalah wajib. Oleh itu umat Islam khususnya hendaklah memahami bahawa tanggungjawab menjalankan amar ma'ruf dan nahi mungkar ini memang perlu merentasi pelbagai ruang dan bidang. Setiap insan Muslim kena laksanakan amar ma'ruf dan nahi mungkar selagi ada hayat! Tidak ada konsep bersara dalam isu ini.



Lakukanlah dengan ikhlas, bijaksana, berhikmah dan mesra. Bagi melaksanakan tugas berat ini setiap individu Muslim kena memiliki sifat kesungguhan, kesabaran, ketabahan dan mengharap keredhaan Allah SWT semata-mata.

Tugas ini kena dilakukan mengikut posisi, fungsi dan tanggungjawab yang disandang. Sebab itu ia mengaitkan soal kuasa, wibawa, bicara dan hati. Untuk menjadi umat Islam yang kuat, kita mestilah memiliki iman yang mantap. Untuk mendidik iman supaya menjadi teguh ia memerlukan persekitaran yang baik, bagi memastikan suasana persekitaran menjadi baik maka anggota masyarakat hendaklah melakukan perkara yang baik. Bagi memastikan sesuatu kebaikan itu berterusan maka perlulah dilaksanakan amar ma'ruf dan nahi mungkar.

Fenomena ini amat penting kerana kita akan berhadapan dengan pelbagai situasi, lokasi, kondisi dan sasaran. Keadaan ini menuntut para penyeru agar mempunyai keyakinan diri, ilmu, skill, keberanian, kepintaran dan lain-lain supaya tugas ini dapat dilaksanakan dengan berkesan. Kesemua para nabi dan rasul telah menjalankan tugas ini dengan jayanya di zaman masing-masing. Kini tugas amar ma'ruf dan nahi mungkar menjadi tanggungjawab setiap individu Muslim.

Tugas melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar hendaklah dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh bagi menjamin kita mendapat rahmat, pertolongan dan ganjaran dari Allah SWT. Walau apapun posisi dan peranannya hendaklah bersesuaian dengan tahap dan kedudukan seseorang. Laksanakanlah amanah ini mengikut kemampuan, keupayaan dan kebolehan yang ada. Marilah kita berganding bahu bersatu tenaga bersungguh-sungguh melaksanakan amar ma'ruf dan nahi mungkar ini ke





arah mewujudkan sebuah masyarakat, negeri atau Negara yang baik, aman, makmur, harmoni serta mendapat keampunan dari Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَأْمُرُونَ  
بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُسْرِعُونَ فِي  
الْخَيْرَاتِ وَأُولَئِكَ مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١١٤﴾ وَمَا يَفْعَلُوا  
مِنْ خَيْرٍ فَلَنْ يُكْفَرُوا<sup>قُلْ</sup> وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالْمُتَّقِينَ ﴿١١٥﴾

*"Mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat, dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta mereka pula berlumba-lumba pada mengerjakan berbagai-bagai kebajikan. Mereka (yang demikian sifatnya), adalah daripada orang yang soleh. Apa sahaja kebaikan yang mereka kerjakan, maka mereka tidak sekali-kali akan diingkari (atau disekat daripada mendapat pahalanya). (Ingatlah) Allah Maha Mengetahui akan keadaan orang yang bertaqwa".* (Ali-Imran:114- 115)



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا  
مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ  
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا  
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ  
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ  
إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنَ  
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ  
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ  
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ  
عبد العزيز شاه الحاج.



اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكُّو أَمِيرِ شَاهِ  
إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه الحاج فی  
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ  
وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ  
وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى  
وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.



Engkau bukanlahlah hati umat Islam, khususnya di Negeri Selangor untuk melaksanakan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau fardhukan di dalam Al-Quran. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin, sucikanlah harta dan jiwa mereka agar mereka hidup dalam keredhaan-Mu. Kau lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً  
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ  
وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ





فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

HJ YUSOP/Li \*\*